

**Lebih 10 Peratus Belum Daftar Di Johor Berusia 50 Tahun Ke Atas**  
**Bernama**  
**5 Jun, 2012**

JOHOR BAHARU, 5 Jun (Bernama) -- Lebih 10 peratus daripada 429,796 rakyat Johor yang belum mendaftarkan diri sebagai pengundi merupakan mereka yang berumur 50 tahun ke atas.

Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) negeri, Rokiah Hanum Ibrahim berkata keadaan itu berpunca daripada sikap golongan berkenaan yang tidak mengambil berat tentang hak mereka sebagai warganegara.

"Malah, ada yang sudah pencen baru hendak mendaftar dan apabila ditanya, mereka kata tidak sedar tentang perkara itu dan ada yang beranggapan mengundi tidak penting," katanya kepada pemberita di sini Selasa.

Beliau berkata lebih 50 peratus lagi daripada keseluruhan mereka yang belum mendaftarkan diri sebagai pengundi di negeri itu ialah golongan belia.

Katanya sehingga 20 Mac lepas, jumlah rakyat Johor yang layak mengundi ialah 1,955,240 orang namun yang telah mendaftar hanya 1,525,444.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=671038>